

# Syukur diberi peluang kerja

Tidak henti menerima panggilan pelbagai pihak sejak kisahnya dipapar Metro Ahad

Oleh FIRDAUS SAHAT

firdaussahat@mediaprima.com.my  
Kuala Lumpur

**A**lhamsdillah, sehingga kini pelbagai pihak menghubungi saya dan hampir enam hingga tujuh peluang pekerjaan ditawarkan. Saya bersyukur dengan peluang diberi. Terima kasih kepada Metro Ahad kerana membantu saya.

"Seperti graduan lain, saya juga mahukan kerja. Begitupun, hanya kerana saya orang kelainan upaya (OKU), saya sering kali gagal dalam temu duga."

"Bagaimanapun, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memandang



**Peluang saya cerah untuk dapatkan pekerjaan menerusi SPA selepas ditemuduga Pengerusi SPA"**

Kamalru Azman Daud

serius kes saya dan atas keprihatinan mereka, nasib saya bakal terbelah," kata pelajar bijak OKU Kamalru Azman Daud, 26.

Kamalru berkata, sejak kisahnya dipaparkan menerusi muka depan akhbar ini minggu lalu, dia tidak henti-henti menerima panggilan daripada pelbagai pihak yang simpati dengan nasibnya.

Namun, katanya, seboleh-bolehnya dia mahu bekerja dengan kerajaan terlebih dulu.

"Sektor kerajaan menjadi pilihan utama saya. Sebab itu saya berusaha keras menamatkan pengajian di peringkat ijazah kerana mahu mendapatkan pekerjaan baik dalam sektor ini.

"Insya-Allah, peluang saya

cerah untuk mendapatkan pekerjaan menerusi SPA selepas ditemuduga Pengerusi SPA (Tan Sri Mahmood Adam) baru-baru ini.

"Bagaimanapun, saya masih menanti jawapan mereka. SPA akan berbincang mengenai pekerjaan dan bidang apa yang sesuai dengan kebolehan dan keupayaan saya dan ia akan dimukta-madkan dalam mesyuarat SPA, Isnin ini (esok)," katanya.

Kamalru berkata, nasib keluarganya bakal terbelah jika dia berjaya mendapatkan pekerjaan dalam sektor ke-

rajaan.

"Keluarga saya bukan orang senang. Jika saya berjaya mendapatkan pekerjaan, insya-Allah, saya akan cuba sedaya upaya membantu ibu di kampung. Kalau boleh, saya tidak mahu ibu bekerja lagi. Dia sepatutnya berehat di rumah."

"Daripada 11 adik-beradik, hanya saya mempunyai ijazah. Jadi, ini masanya saya membala jasa ibu dan keluarga. Saya mahu ibu berbangga dengan saya," katanya.

Kamalru menamatkan pengajian dalam jurusan Ijazah

Teknologi Sains Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam tahun lalu dengan purata nilai gred terkumpul (CGPA) 3.57.

Dia mencatat purata nilai gred (GPA) 4.00 untuk semester akhir iaitu praktikal dan tesis, selain pernah tiga kali menerima Anugerah Dekan berikutan kecemerlangannya dalam akademik.

Bagaimanapun, dia gagal memperoleh pekerjaan biarpun berpuluhan-puluhan kali menghadiri temu duga hanya disebabkan statusnya sebagai OKU.



KERATAN muka depan Metro Ahad minggu lalu.